

TUAN RUMAH TAHUN DEPAN

Turki, Brunei bersaing

Kedudukan terbuka luas

jika Australia tarik diri

29 NOV 1987

B. Minggu (M)

Oleh **KHAIRUL ANUAR MOKHTAR**
dan **JAMHARIAH JAAFAR**

MESKIPUN Kejuaraan Silat Sedunia Ke-4 di Stadium Negara bermula tiga hari lagi, dua negara — Turki dan Brunei telah menyatakan hasrat mereka menjadi tuan rumah kejuaraan akan datang.

Australia yang sebelum ini disenaraikan sebagai tuan rumah kejuaraan akan datang, bagaimanapun belum memberikan pengesahan muktamad mengenainya.

Sehubungan itu, persaingan menjadi tuan rumah terbuka luas jika Australia menarik diri. Keputusan sama ada Australia menjadi tuan rumah atau sebaliknya akan ditentukan dalam mesyuarat Persekutuan Silat Antarabangsa (Persilat) di Kuala Lumpur minggu depan.

Turki membayangkan hasrat mereka menerusi pengurus pasukan, Yilmas Aydin yang tiba petang kelmarin sebagai langkah menyesuaikan keadaan menjelang kejuaraan sebenar.

"Kami mahu menjadi tuan rumah memandangkan perkembangan pesat sukan silat olahraga di Turki, terutama di kalan-

gan pelajar sekolah dan pusat pengajian tinggi.

"Andainya Turki menjadi tuan rumah, kami percaya sukan ini dapat dipopularkan lagi di kalangan penduduk negara kami," kata Yilmas, 33, yang turut mengambil bahagian dalam kejuaraan kali ini.

Menurutnya, setakat ini Turki mempunyai lebih 7,000 pesilat yang berdaftar dengan lima buah kelab.

Turki mula membabitkan diri dengan silat olahraga setelah Yilmas mempelajari di Perancis menerusi kursus yang diselenggarakan oleh Franz Hariwijadi dari Indonesia.

Katanya, silat olahraga tidak banyak berbeza dari seni mempertahankan diri Turki. Ini menyebabkan ia lebih mudah dipelajari dan dikuasai.

Brunei yang meraih satu pingat emas Sukan SEA Jakarta September lalu, juga berhasrat menjadi tuan rumah.

"Jika lebih daripada sebuah negara berhasrat menjadi tuan rumah, Persilat akan mengadakan undian untuk menentukan tuan rumah kejuaraan kelima akan datang," kata Presiden Persekutuan Silat Kebangsaan (PesaKa), Datuk Abdul Rahman Mahmud.



■ INILAH SUMBANGAN KAMI...Pengerusi Jawatankuasa kejuaraan, Aziz Deraman (kiri) menerima cek bernilai \$30,000 daripada Timbalan Pengurus Besar Sports Toto, Mohd Tahir Haji Taib.